

11 NOV 1997

Mahathir-MT

MT KESAL DAN TOLAK USUL 24 ANGGOTA KONGRES AMERIKA

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno malam ini menolak dengan keras usaha 24 anggota Kongres Amerika Syarikat (AS) yang mahu membentangkan resolusi bagi mendesak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "memohon maaf ataupun meletakkan jawatan" kerana menyatakan terdapat konspirasi Yahudi di sebalik krisis mata wang di Asia Tenggara.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, MT telah membuat pendirian bahawa usul itu tidak dapat diterima sama sekali dan menyatakan rasa kesal terhadap tindakan yang sedang diusahakan wakil-wakil kongres itu yang diketuai Robert Wexler, seorang Demokrat dari Florida dan berbangsa Yahudi.

"Sambil menyatakan rasa kesal dalam hal ini, Majlis Tertinggi telah bersetuju supaya perkara ini (usul terhadap Perdana Menteri) diserahkan kepada kerajaan untuk mempertimbangkannya," kata Anwar selepas mesyuarat MT selama kira-kira dua setengah jam di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Terdahulu, Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata MT, badan tertinggi Umno yang menerajui kerajaan, telah bersetuju menyerahkan kepada kerajaan untuk menangani usaha wakil-wakil Kongres AS itu.

"Esok mesyuarat kabinet, terpulang kepada kabinet apa dia hendak buat," kata Dr Mahathir apabila ditanya mengenai langkah kerajaan seterusnya dalam menghadapi usul itu.

Sebelum ini, Dr Mahathir telahpun menjelaskan yang beliau tidak berkata terdapat konspirasi Yahudi di sebalik krisis itu. Beliau hanya menyalahkan spekulator kewangan Amerika George Soros -- seorang Yahudi -- kerana memusnahkan ekonomi Malaysia melalui serangan terhadap ringgit.

Malam ini, Dr Mahathir berkata, usaha yang sedang dilakukan 24 anggota Kongres itu sudah keterlaluan.

Katanya, bagi mereka demokrasi bermakna negara lain boleh memberi arahan dan negara yang diberi arahan itu perlu menuruti kehendak mereka.

"Terpulang kepada kerajaan nak buat macam mana. Nak suruh saya minta maafkah, nak suruh saya letak jawatankah," katanya mengenai usul itu yang mendesak beliau supaya meminta maaf atau meletakkan jawatan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berharap kewarasan akan wujud di kalangan anggota Kongres AS memandangkan usaha itu hanya digerakkan oleh segelintir anggota pembuat dasar pentadbiran Washington.

Ketika ditanya sama ada tindakan yang dilakukan 24 anggota Kongres AS itu dilihat sebagai usaha mengenakan sekatan terhadap Malaysia, Dr Mahathir berkata, beliau tidak melihatnya seperti itu pada masa ini kerana ia belum lagi menjadi resolusi AS.

"Saya ingin menekankan bahawa ia belum lagi menjadi satu resolusi. Pada masa ini ia hanya melibatkan sekumpulan 24 anggota kongress berbeza dengan tindakan terhadap Libya, Iran, Iraq," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada beliau melihat usul 24 anggota Kongres AS itu merupakan usaha bersepadu untuk menimbulkan ketidaktentuan di negara ini kerana ia berlaku selepas AS baru sahaja menyatakan cadangan untuk menghantar pegawai ke Malaysia bagi menyiasat Petronas berhubung pelaburan syarikat minyak itu di Iran.

"Susah saya nak kata, tidak ada bukti jelas yang menunjukkan mereka ada satu rancangan untuk berkomplot terhadap kita. Kita tidak dibenarkan untuk berkata bahawa ada satu komplot tetapi memanglah dilakukan antara satu

dengan satu lagi (berturut-turut)," katanya.

Mengenai sama ada usaha terbaru ini membimbangkan beliau, Dr Mahathir berkata: "Sememangnya perhubungan antara negara mempunyai masa baik dan kurang baik. Kita tengoklah apa jadi (dalam perkembangan terbaru ini)".

Dr Mahathir berkata, soal sama ada isu terbaru itu akan menimbulkan kebimbangan di kalangan rakyat terpulang kepada rakyat negara ini sendiri.

"Kita negara demokrasi. Kalau kita sanggup proses demokrasi kita dikuasai oleh orang lain, itu pilihan kitalah," katanya.

Katanya, perkembangan terbaru itu setakat ini tidak menjejaskan hubungan Malaysia dan Amerika kerana ia hanya merupakan tindakan segelintir anggota Kongres negara itu.

Mesyuarat MT turut menetapkan tempoh mesyuarat cawangan Umno tahun depan dari 16 Feb hingga 15 Mac manakala mesyuarat bahagian dari 16 Mac hingga 31 Mac.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat itu juga dimaklumkan oleh Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, bahawa perkataan baru pada nama parti itu sudahpun digugurkan selepas mendapat kelulusan Pendaftar Pertubuhan berikutan resolusi yang dibuat oleh Perhimpunan Agung Umno yang lepas.

Selain itu mesyuarat MT juga membincangkan kedudukan ekonomi negara dan rancangan yang akan dilancarkan untuk mengembalikan kedudukan ekonomi kepada sedia kala.

Beliau juga berkata mesyuarat turut menyentuh mengenai berlakunya penyalahgunaan kedudukan pegawai kerajaan dalam bidang agama yang terlibat dalam politik.

Katanya, ada institusi kerajaan yang digunakan dalam pilihan raya kecil baru-baru ini untuk menyokong bekas pensyarah.

Mengenai cadangan kerajaan Amerika Syarikat menyiasat Petronas kerana pembabitannya membangunkan kawasan gas di Iran, Dr Mahathir berkata MT tidak membincangkannya.

Bagaimanapun, katanya, UMNO bekerjasama dengan pergerakan pemuda Barisan Nasional yang mengutuk tindakan Amerika Syarikat itu.

Isnin lepas, pengerusi pemuda BN Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata pergerakan itu akan mendesak kerajaan supaya menghalang pegawai Amerika Syarikat itu datang dan menjalankan siasatan terhadap Petronas. -- BERNAMA

AH ARA AKD